

Headline	Gamuda wujudkan biodiversiti di semua projek perbandaran		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 May 2018	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	25,61	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	690 cm ²
Journalist	Nabil Basaruddin	AdValue	RM 23,694
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,082



GAMUDA
Wujudkan biodiversiti
di projek perbandaran
Ms.61

Headline	Gamuda wujudkan biodiversiti di semua projek perbandaran		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 May 2018	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	25,61	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	690 cm ²
Journalist	Nabil Basaruddin	AdValue	RM 23,694
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,082

Gamuda wujudkan biodiversiti di semua projek perbandaran

➔ Pembangunan konsep taman dalam bandar beri nilai tambah kepada pembeli

Oleh Nabil Basaruddin
nabil.basaruddin@NSTP.COM.MY

Gamuda Bhd menerusi cabang Ghartanahnya, Gamuda Land dalam perancangan untuk melaksanakan projek biodiversiti di seluruh projek perbandaran miliknya yang menawarkan suasana alam semula jadi kepada penghuninya.

Timbalan Pengarah Urusan Gamuda, Mohammed Rashdan Mohd Yusof, berkata dengan membangunkan projek biodiversiti itu ia akan memberi nilai tambah, sekali gus mewujudkan suasana dalam bandar yang lebih tenang dan selesa.

Beliau berkata, pihaknya turut menjalin usaha sama dengan beberapa pakar untuk membangunkan konsep taman dalam bandar itu seperti pakar flora dan fauna, hidrologi dan landskap.

"Aspek penting dalam pembangunan perbandaran ialah

memahami apa yang perlu dibangunkan dalam mewujudkan persekitaran yang harmoni dan memberi nilai kepada penghuninya.

"Selain untuk mewujudkan suasana alam semula jadi, ia juga adalah usaha membina biodiversiti yang dapat menarik perhatian spesies tumbuhan dan haiwan," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Hari Diversiti Biologi Antarabangsa dan pelancaran Gamuda Park di Petaling Jaya, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Pegawai Operasi Gamuda Park, Khariza Abd Khalid.

Pelaburan pembangunan masa depan

Majlis berkenaan menyaksikan Gamuda Land sebagai pemaju harta tanah pertama yang berikrar untuk melaksanakan audit secara saintifik bagi diversiti menerusi inisiatif Gamuda Parks.

Mohammed Rashdan berkata,



Aspek penting dalam pembangunan perbandaran ialah memahami apa yang perlu dibangunkan dalam mewujudkan persekitaran yang harmoni dan memberi nilai kepada penghuninya"

**Mohammed Rashdan
Mohd Yusof,
Timbalan Pengarah
Urusan Gamuda**

pihaknya sentiasa mementingkan biodiversiti yang mapan dan untuk itu, bank tanah baharu yang diperuntukkan di Gamuda Cove dan Gamuda Gardens seluas 947 hektar adalah komitmennya untuk persekitaran lebih baik kepada komuniti.

"Kami melihat ia adalah pelaburan bagi pembangunan masa depan dan tidak menganggap ia sebagai satu kos mahupun bebanan," katanya.

Selain itu, Gamuda Land juga komited bagi penyelenggaraan jangka panjang untuk taman biodiversiti baharu itu melalui pengurusan perbandaran serta kerjasama dengan penduduk perbandaran terbabit.

Antara agensi dan badan yang menyokong inisiatif Gamuda termasuklah Wetlands International Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan konsultan berkaitan.



**Mohammed Rashdan (tengah)
dan Khariza (dua
dari kiri)** pada
majlis pelancaran
Hari Diversiti Biologi
Antarabangsa dan
pelancaran Gamuda
Park di Petaling
Jaya, semalam.